

Pengarah Bahagian
Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAWAAN JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) SCHOLARSHIPS TEACHER TRAINING STUDENTS 2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat darui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan rujukan JPA(1)S.178/1/5-9(22) bertarikh 15 Januari 2020 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, Bahagian ini telah menerima pelawaan permohonan **Japanese Government (Monbukagakusho: MEXT) Scholarships Teacher Training Students 2020** daripada Kedutaan Besar Jepun di Malaysia. Basiswa ini adalah terhad kepada **Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (DG)** untuk menjalankan kajian berkaitan pendidikan sekolah untuk tempoh bermula daripada **Oktober 2020 sehingga Mac 2022** di universiti di Jepun.

3. Sehubungan itu, Bahagian ini ingin mempelawa pegawai yang layak dibawah Bahagian/Jabatan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk mengemukakan permohonan dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah untuk memohon biasiswa ini. Tarikh Permohonan/ Pencalonan adalah seperti berikut:

3.1 Tarikh akhir penerimaan permohonan ke BPG pada **30 Januari 2020, Khamis (12.00 tgh)**

4. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, maklumat lanjut berhubung program ini adalah seperti surat edaran yang disertakan bersama emel ini. Permohonan boleh dibuat melalui portal Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di <http://esilav2.jpa.gov.my>.

5. Bersama-sama ini dikepilkan bersama senarai lampiran berikut:

- 5.1 Syarat-syarat permohonan (Lampiran 1)
- 5.2 *Application Submission Checklist*
- 5.3 *Application guidelines*
- 5.4 *Application For Japanese Government Scholarship*
- 5.5 *2020 Placment Preference Application*
- 5.6 *MEST scholarship Recommendation Form*
- 5.7 *Certificate of Health*

6. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian, harap maklum.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

SHAHARUDIN BIN SAID

KETUA PENOLONG PENGARAH
Unit Komunikasi, Hubungan Antarabangsa & Pendokumentasi
Bahagian Profesionalisme Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tel. : 03 – 8884 1065/1118/1237

E-mel : shaharudin.said@moe.gov.my / mariam.sulaiman@moe.gov.my /
izzati.mohdamin@moe.gov.my